

08/12/1997

Kegiatan Umno dikawal mulai Januari

KUALA PERLIS, Ahad - Aktiviti Umno di semua peringkat dalam tiga bahagian di negeri ini akan dikawal, mulai Januari depan bagi membantu Kerajaan Pusat menangani kedudukan ekonomi negara.

Perkara itu adalah antara beberapa resolusi penting yang diputuskan dalam mesyuarat Badan Perhubungan Umno Negeri yang dipengerusikan Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim, Jumaat lalu.

Setiausaha Badan Perhubungan Umno Negeri, Datuk Bahari Taib, berkata antara tujuan utama langkah itu ialah mengawal dan mengurangkan kegiatan yang dianggap tidak ekonomik dan membawa keburukan.

Selain itu, katanya, ia juga bagi mengelak ahli, khususnya barisan kepimpinan Umno digunakan pihak tertentu untuk kepentingan peribadi, termasuk mendapatkan projek.

"Kita juga bimbang mereka akan digunakan oleh pihak tertentu untuk tujuan berkempen bagi menghadapi pemilihan Umno tahun depan.

"Melalui tindakan pengawasan itu, kita berharap dapat menangani gejala politik wang menjelang pemilihan kali ini," katanya kepada Berita Harian, di sini, hari ini.

Beliau ditemui selepas majlis pelancaran Sukan Air Sempena Sambutan Jubli Perak Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Kuala Perlis oleh Menteri Besar, di sini, hari ini.

Bahari yang juga Speaker Dewan Undangan Negeri berkata, berikutan keputusan itu, kegiatan Umno di setiap peringkat akan diteliti terlebih dahulu oleh Badan Perhubungan Umno Negeri.

Kegiatan yang dianggap tidak penting seperti program lawatan dan bercuti ke luar negara tidak akan dibenarkan, kecuali yang memberikan keuntungan akan dipertimbangkan.

"Bagaimanapun, beberapa kegiatan yang dirancang sepanjang bulan ini akan diteruskan, begitu juga selepas April depan. Sekatan itu adalah untuk tempoh antara Januari dan April saja," katanya.

Bahari berkata, Badan Perhubungan Umno Negeri juga memutuskan untuk meminta pandangan Majlis Tertinggi (MT) mengenai calon yang akan bertanding di peringkat bahagian untuk didaftarkan sepertimana diamalkan oleh MT.

Katanya, mesyuarat itu juga sebulat suara memberikan sokongan padu terhadap kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam menangani masalah kejatuhan nilai ringgit dan kemerosotan ekonomi.

(END)